

**Malaysia, Kemboja Rancang Kerjasama Pengeluaran Peralatan Pertahanan
Bernama
Julai 28, 2011
Daripada Rhoma Ahmad Razali**

PHNOM PENH, 28 Julai (Bernama) -- Malaysia dan Kemboja bercadang menjalin kerjasama untuk menjalankan pengeluaran aset dan peralatan pertahanan yang banyak digunakan oleh sistem pertahanan kedua-dua belah pihak.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata perincian mengenai perkara itu akan dibincangkan oleh pegawai-pegawai atasan angkatan tentera kedua-dua negara terutama dalam mengenal pasti aset dan peralatan.

"Oleh kerana Kemboja mempunyai pasukan pengaman, beberapa peralatan jenis sama boleh dikeluarkan sebagai langkah awal. Umpamanya apabila tentera Malaysia membuat pertukaran senjata M16 kepada M4, ini memperlihatkan hak intelektual yang diberikan kepada Malaysia telah diizinkan untuk dikongsi dengan beberapa negara bagi pengeluaran komponen-komponen bagi pemasangan senjata M4.

"Dalam hal ini, Kemboja menerima cadangan Malaysia untuk bekerjasama dan mungkin dengan beberapa negara Asean lain bagi merealisasikan kerjasama dalam industri pertahanan ini," katanya kepada pemberita selepas mengadakan kunjungan hormat ke atas Timbalan Perdana Menteri Kemboja Tea Banh, yang juga Menteri Pertahanan, di pejabatnya.

Ahmad Zahid berkata kerjasama itu merupakan satu langkah proaktif dan menunjukkan komitmen Kemboja ke arah mewujudkan kerjasama serantau dalam bidang pertahanan.

Komitmen Kemboja dengan Malaysia cukup tinggi dan saya harap hubungan dua hala ini dapat diteruskan. Bukan hanya dalam memperkuat hubungan ketenteraan dan diplomatik tapi juga pertukaran pegawai-pegawai ketenteraan," katanya.

Katanya cadangan kerjasama itu bukanlah satu kesepakatan ketenteraan untuk mengatasi piawaian pengeluaran peralatan yang ditetapkan Pertubuhan Pertahanan Atlantik Utara (NATO), sebaliknya bagi memperkasakan tahap piawaian peralatan ketenteraan yang dikeluarkan di rantau ini.

"Ia juga bukan kolaborasi ketenteraan seperti NATO atau mahu bersaing dengan organisasi itu, sebaliknya hanya menumpukan kepada usaha memperkasa dan memperkukuhkan pengeluaran peralatan pertahanan," katanya.

Selepas kunjungan ke atas Tea Banh, Ahmad Zahid kemudiannya mengadakan kunjungan hormat ke atas Perdana Menteri Kemboja, Hun Sen di pejabatnya di sini dan meluangkan masa lebih 30 minit berbincang mengenai masyarakat Islam Kemboja.

Ahmad Zahid berada di Kemboja sempena lawatan rasmi tiga hari ke negara itu dan dijadual berlepas pulang ke tanah air Jumaat.

-- BERNAMA

Hakcipta Terpelihara © 1995-2011 Star Publications (Malaysia) Bhd (Co No 10894-D).
Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=604728>